



PARLIMEN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA JAWATANKUASA PILIHAN KESIHATAN BERHUBUNG PEMBENTANGAN PENYATA PEMANTAPAN DASAR PEMAKANAN DAN INTERVENSI NUTRISI DI MALAYSIA

1. Jawatankuasa Pilihan Kesihatan telah membentangkan Penyata Jawatankuasa berhubung Pemantapan Dasar Pemakanan dan Intervensi Nutrisi di Malaysia di Dewan Rakyat pada hari Isnin, 23 Februari 2026, yang turut melibatkan sesi penerangan Pengerusi Jawatankuasa, diikuti perbahasan dan penggulungan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Ahmad Yunus bin Hairi, Ahli Jawatankuasa merangkap Ahli Parlimen Kuala Langat pada hari ini.
2. Penyata ini dibentangkan selepas Jawatankuasa mengadakan empat prosiding, iaitu dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Nutrition Society of Malaysia, Malaysian Dietitians' Association, Malaysian Association for the Study of Obesity, Universiti Malaya (UM) dan YBhg. Prof. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang. Prosiding tersebut adalah untuk menilai cabaran pemakanan negara yang semakin kompleks dan mempunyai impak dalam jangka masa panjang.

3. Berdasarkan taklimat yang telah diadakan, Jawatankuasa mendapati Malaysia kini berdepan fenomena beban berganda malpemakanan, yang memperlihatkan kewujudan serentak masalah bantut dan anemia di satu pihak, serta peningkatan peratusan berlebihan berat badan dan obesiti di pihak yang lain. Situasi ini bukan sekadar isu kesihatan individu, tetapi mencerminkan kelemahan struktur dalam ekosistem makanan negara serta pembentukan persekitaran yang tidak menyokong amalan pemakanan sihat.
4. Jawatankuasa telah mengenal pasti isu berlebihan berat badan dan obesiti sebagai faktor risiko utama kepada penyakit tidak berjangkit seperti diabetes, hipertensi dan penyakit kardiovaskular yang semakin membebankan sistem kesihatan negara. Pada masa yang sama, penyakit berkaitan malnutrisi dalam kalangan pesakit kronik serta anemia dalam kalangan kanak-kanak memberi kesan langsung kepada pemulihan klinikal, perkembangan kognitif dan potensi modal insan negara.
5. Selain itu, isu pemakanan tidak boleh dilihat secara terpisah daripada struktur sosial dan ekonomi negara, termasuk faktor harga makanan, pemasaran produk tinggi gula serta akses kepada makanan sihat. Dalam konteks isu pemakanan, intervensi di sekolah sememangnya penting, namun pendekatan tersebut tidak akan mencukupi tanpa pelaksanaan kerangka *whole-of-government* dan *whole-of-society* yang menyelaraskan peranan kementerian, agensi, industri dan komuniti secara bersepadu.

6. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa telah mengesyorkan 10 syor strategik yang melibatkan pelbagai kementerian, agensi dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), iaitu:
 - i. KKM perlu memperkukuh pelaksanaan Dasar Pemakanan Kebangsaan Malaysia 3.0, termasuk pengukuhan literasi pemakanan, inovasi makanan lebih sihat, kawalan gula, menggalakkan pengambilan susu, buah-buahan dan sayur-sayuran serta promosi gaya hidup aktif secara menyeluruh.
 - ii. KKM, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan Kementerian Kewangan (MOF) perlu memperkukuhkan dasar dan mekanisme fiskal bagi menyokong formulasi dan reformulasi produk pilihan lebih sihat oleh industri makanan termasuk pelaksanaan cukai minuman bergula serta pemansuhan subsidi gula dan penyaluran peruntukan tersebut kepada KKM untuk perbelanjaannya. Pemantauan dan penguatkuasaan peraturan berkaitan hendaklah dipertingkatkan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan.
 - iii. KKM, Kementerian Pendidikan (KPM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Kementerian Digital, Kementerian Komunikasi dan NGO perlu memperkukuh pelaksanaan promosi pendidikan pemakanan secara menyeluruh di peringkat komuniti dan sekolah, termasuk pengawalan ketat terhadap kandungan media sosial yang negatif bagi memastikan maklumat pemakanan

sihat disampaikan secara tepat, berkesan dan mampu membentuk amalan pemakanan positif dalam kalangan rakyat.

- iv. KKM dan KPM perlu memperkukuh pengawasan dan intervensi pemakanan awal kanak-kanak di peringkat prasekolah dan sekolah melalui pengukuhan silibus kesihatan pemakanan, penglibatan ibu bapa, pemantauan tinggi/berat badan dan penempatan Pegawai Dietetik bagi menjamin pertumbuhan optimum sejak awal usia.
- v. KKM perlu mengkaji lebih mendalam keperluan untuk ibu bapa meneruskan program intervensi pemakanan dan kesihatan kanak-kanak selepas fasa 1,000 Hari Pertama Kehidupan melalui pemantauan pertumbuhan berkala, saringan kesihatan serta pendidikan pemakanan dan gaya hidup sihat.
- vi. KKM, KPM dan NGO perlu memperkukuh pendidikan pemakanan di sekolah termasuk penstrukturan semula kantin, program Hidangan Berkhasiat di Sekolah (HiTS), Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Program Susu Sekolah (PSS), aktiviti pemantauan dan kem pemakanan bagi memastikan pemakanan sihat dalam kalangan murid sejak awal usia.
- vii. KKM, KPWK, MOF, KPDN dan KPKM perlu menilai dan memperluas mekanisme sokongan produk makanan bersubsidi atau bantuan pemakanan, termasuk penyediaan

peruntukan kewangan, pakej makanan seimbang dan integrasi intervensi nutrisi, khususnya untuk golongan rentan bagi memastikan diet seimbang dan pertumbuhan kanak-kanak terjamin sejak awal usia.

- viii. KKM perlu memperluas pelaksanaan saringan, diagnosis dan pengurusan penyakit berkaitan malnutrisi di hospital serta penjagaan primer melalui pendekatan “Saring-Nasihat-Rawat” dengan penglibatan Pegawai Dietetik bagi memastikan pesakit berisiko dapat dikesan awal dan menerima intervensi pemakanan klinikal yang sesuai.
 - ix. KKM perlu mengintegrasikan modul *Medical Nutrition Therapy* dan *Oral Clinical Nutrition Formula* ke dalam sistem penjagaan primer dengan penglibatan Pegawai Dietetik, serta disokong pemantauan dan pelaporan bersepadu bagi menjamin kesinambungan rawatan pemakanan klinikal berasaskan bukti.
 - x. KKM, MOF dan Jabatan Perkhidmatan Awam menambahkan bilangan perjawatan Pegawai Sains Pemakanan untuk advokasi pemakanan komuniti, manakala Pegawai Dietetik bagi liputan intervensi pemakanan klinikal di fasiliti kesihatan primer dan hospital secara berfasa dan terancang.
7. Jawatankuasa ini menegaskan bahawa reformasi pemakanan menuntut keberanian dasar dan komitmen politik yang tegas. Tanpa tindakan menyeluruh dan segera, negara akan berdepan peningkatan kos rawatan penyakit kronik, kehilangan produktiviti

serta kemerosotan kualiti hidup generasi akan datang. Justeru, kesihatan rakyat mesti diutamakan mengatasi pertimbangan jangka pendek demi memastikan Malaysia kekal sihat, produktif dan berdaya saing.

8. Orang ramai boleh mengakses setiap perbincangan dan penelitian penyata ini dengan melayari laman web rasmi Jawatankuasa Pilihan Kesihatan di [pautan https://www.parlimen.gov.my/jkdr/penyata2.html](https://www.parlimen.gov.my/jkdr/penyata2.html)

Sekian, terima kasih.

YB Tuan Suhaizan bin Kaiat
Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Kesihatan
Parlimen Malaysia

25 FEBRUARI 2026